

HANTU KUNING

Buffy Fish Owl

FAMILI: Strigidae
NAMA SAINTIFIK: *Ketupa ketupu*



CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa sub-spesies *K.k.aagaardi*, ia seakan-akan serupa dengan Hantu Ikan, *K.zeylonensis*, namun warna secara keseluruhannya lebih coklat kemerahan dengan jalur-jalur lebar kehitaman pada bahagian atas badan dan juga pada sayap yang menampakkan perbezaan jelas dengan bahagian bawah badan. Selain itu, jelas kelihatan bahagian yang berwarna putih pada dahi dan kening. Pada bahagian bawah badan tidak kelihatan garis melintang yang berwarna putih seperti pada bahagian sayap. Warna mata pula kuning atau kuning keemasan. Bagi sub-spesies *K.k.ketupu* seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia, bahagian atas dan bawah badan adalah lebih galak dengan warna coklat kemerahan. Bagi burung juvenil, ia seperti burung dewasa namun bahagian badan lebih kaya dengan warna coklat kemerahan. Saiz keseluruhan spesies ini adalah 45.5-47.0 sm.

MAKANAN

Makanan utama terdiri daripada burung-burung kecil, spesies tikus dan serangga. Seseengah spesies memakan haiwan-haiwan invertebra, amfibia, reptilia dan ikan.

HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan dipterokap yang berhampiran dengan air, hutan paya bakau, ladang pertanian, taman yang mempunyai dirian pokok, hingga ke ketinggian 800 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang panjang dan senada *bup-bup-bup-bup-bup-bup*.. atau *hup-hup-hup-hup-hup-hup*.. seakan-akan bunyi generator, dan juga bunyi nyaring yang bingit *yiark, yark, yark, yeek*.. Semasa bertenggek untuk tidur, ia mengeluarkan bunyi seakan-akan berdegus *hyiii* atau *hyiii-ih*.

PEMBIAKAN

Musim membiak spesies ini adalah sepanjang tahun dengan burung betina mampu menghasilkan sebiji telur sahaja bagi setiap eraman. Sarang pula terletak pada lekuk di atas batu atau pokok, kadang-kala di dalam sarang yang telah ditinggalkan oleh burung lain, atau di atas rumpun epifit, setinggi 3-18 m dari aras tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.